



FARDU HAJI



PENGENALAN FARDU HAJI

LAFAZ DAN TARBIAH

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ. لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ.
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنَّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكُ لَا شَرِيكَ لَكَ

Maksudnya: "Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu. Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu. Hamba-Mu datang menyahut panggilanMu. Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu."

BAGAIMANAKAH TALBIAH DILAUNGKAN?

Talbiah merupakan satu ucapan yang menandakan kehadiran para jemaah Haji yang dilafazkan oleh setiap jemaah Haji. Ucapan ini dilaungkan setelah berhram ketika berada di tanah suci. Maksud yang dikehendaki dari laungan talbiah ini ialah menyahut seruan Allah SWT, pembuka ucapan dan pengakuan atau ikrar, iltizam serta komitmen perjanjian dan kata-kata langsung atau berdialog dengan Allah SWT.

Bagi jemaah Haji lelaki mereka disunatkan untuk meninggikan suara. Tidak sunat bagi wanita untuk menyaringkan dan meninggikan suara. Bacaan talbiah adalah berterusan, berulang-ulang sehingga bergema di seluruh tanah haram, tempat perkumpulan jemaah Haji.

DEFINISI HAJI

Haji dari segi bahasa ialah menuju atau mengunjungi ke sesuatu tempat. Manakala dari segi istilah bermaksud mengunjungi Baitullah (Ka'bah) pada masa-masa tertentu (bulan haji, Zulhijah) serta melaksanakan perkara-perkara yang wajib bagi ibadah Haji.

Haji merupakan salah satu dari rukun Islam dan menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam lelaki mahupun wanita bagi yang berkemampuan untuk melaksanakannya dan melaksanakannya dikira wajib hanya sekali seumur hidup jika dilakukan lebih dari itu maka ia dikira sunat.

DEFINISI HAJI

Antara dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah tentang kewajipan mengerjakan ibadah Haji adalah seperti firman Allah SWT:

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا

Maksudnya:

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya."

PERBEZAAN DI ANTARA IBADAH HAJI DAN UMRAH

1. Haji hanya dikerjakan pada bulan Haji sahaja, iaitu bermula 1 Syawal sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah. Manakala waktu Umrah pula adalah pada bila-bila masa sepanjang tahun.
2. Haji adalah wajib bagi setiap individu, manakala Umrah pula adalah sunat dilakukan jika berkemampuan (mengikut sebahagian pendapat).
3. Haji memerlukan wukuf di Arafah pada hari 9 Zulhijjah, bermalam di Muzdalifah dan di Mina serta melontar jamrah manakala Umrah tiada wukuf serta perkara-perkara yang disebutkan tadi.
4. Rukun Haji ada lima iaitu ihram, wukuf di Arafah, tawaf, sa'ie dan tahallul. Manakala umrah hanya empat iaitu ihram, tawaf, sa'ie dan tahallul.

RUKUN HAJI



Rukun Haji ada enam perkara:

1. Niat Ihram.
2. Wuquf di A'rafah.
3. Tawaf Baitullah.
4. Sa'ie antara Safa dan Marwah.
5. Bercukur menghilangkan sekurang-kurangnya tiga urat rambut di kepala.
6. Tertib pada kebanyakan rukun.

WAJIB HAJI



Wajib Haji ada enam perkara:

1. Ihram di Miqat.
2. Bermalam di Muzdalifah.
3. Bermalam di Mina.
4. Melontar Jamratul - 'Aqabah pada hari kesepuluh Zulhijjah.
5. Melontar ketiga-tiga jamrah pada hari-hari tasyriq (11, 12 dan 13).
6. Menjauhkan segala yang diharamkan dalam masa ihram.

JENIS-JENIS HAJI

Haji Fardu

Juga dikenali sebagai Haji Islam atau Haji Wajib. Ia adalah Haji yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim yang memenuhi syarat-syarat wajib Haji sekali seumur hidup.

Haji Badal

Juga dikenali sebagai Haji Niyabah dan upah Haji. Ia adalah yang ditunaikan oleh seseorang untuk orang lain menurut syarat-syaratnya.

Haji Sunat

Juga dikenali Haji Tarawwu'. Ia adalah ibadat Haji yang ditunaikan oleh mana-mana muslim yang telah menunaikan Haji Fardu.

JENIS-JENIS HAJI

Haji Nazar

Haji Nazar ialah Haji yang wajib ditunaikan oleh seseorang muslim yang telah bernazar untuk menunaikan Haji kerana Allah S.W.T.

Haji Qada'

Haji Qada' ialah Haji yang ditunaikan oleh seseorang sebagai mengqada' Haji yang fasad pada yang terdahulu.

CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI

Haji Tamattu'

Mengerjakan Umrah dahulu dalam bulan-bulan Haji kemudian mengerjakan Haji pada tahun yang sama.

Haji Ifrad

Mengerjakan Haji dalam bulan-bulan Haji kemudian mengerjakan Umrah.

CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI

Haji Qiran

Cara 1: Berniat mengerjakan Haji dan Umrah serentak dalam bulan haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib Haji. Umrah pula dikira selesai sebaik saja selesai menunaikan haji.

Cara 2: Berniat mengerjakan Umrah sahaja, tetapi sebelum tawaf ia berniat mengerjakan Haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib Haji.

SYARAT SAH HAJI

01

Orang Islam

02

Baligh

03

Berakal waras

04

Merdeka
(bukan
hamba)

05

Berkuasa atau
berkemampuan

KESIMPULAN

Ibadah Haji dan Umrah ini hanyalah kepada muslim merdeka yang mukallaf serta berkemampuan, lelaki mahupun perempuan. Selain itu, aspek fizikal dan mental juga harus diberi penekanan oleh setiap mereka yang berniat dan berazam untuk melaksanakan ibadah ini.

Bagi mereka yang telah cukup syarat seperti yang dinyatakan di atas, bersegeralah dalam melaksanakan ibadah haji dan umrah dan berusaha untuk melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Ini kerana kita tidak mengetahui apakah yang akan berlaku pada masa-masa yang mendatang. Justeru, apabila telah cukup syarat yang dikehendaki dalam mengerjakan ibadah ini, maka bersegeralah.

SUMBER

1. <https://www.kosmo.com.my/2023/06/28/jemaah-haji-malaysia-selesai-melontar-jamrah-qubra-tahalul/>
2. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-li-al-haj/700-bayan-li-al-haj-siri-25-pengertian-talbiah-dan-waktunya>
3. <https://blog.ezqurban.org/maksud-laungan-talbiah/>
4. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-li-al-haj>
5. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-li-al-haj/724-bayan-li-al-haj-siri-2-pengertian-haji-dan-umrah-serta-perbezaannya>
6. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-li-al-haj?start=25>
7. https://pic.upm.edu.my/upload/dokumen/20200128160735Infografik_Minggu_7_.pdf
8. <https://utusanv.com/2023/06/27/kronologi-mudah-perjalanan-haji/>
9. Bekalan Haji: Penerangan ibadah haji, umrah dan ziarah paling lengkap (Zadul-Hajj)
10. Panduan Ibadah Haji: Cara mudah dan berkesan (Abdul Khairy Al-Latiff)
11. Panduan perjalanan Jemaah Haji (Tabung Haji)
12. Kaifiyat Haji dan Umrah: Ibadat yang wajib ditunaikan sekali seumur hidup untuk yang mampu (Ibnu Muhammad El-Fandahani)
13. Bimbingan Haji & Umrah (Ustaz Muhammad Naufal Al-Haj)